

MANUAL AM BERKAITAN PANDUAN DAN SYARAT BAGI PERMOHONAN INSENTIF PEMERKASAAN USAHAWAN BARU

1. PENGENALAN

- 1.2.1 Insentif Pemerksaan Usahawan Baru merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Johor dan dilaksanakan oleh Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB).
- 1.2.2 Program ini memberi bantuan dari segi insentif pendaftaran syarikat, Insentif Pembukaan Akaun Syarikat dan Insentif Pendaftaran Status Pensijilan PMKS.

2. KRITERIA PERMOHONAN

- 2.1 Permohonan dibuka kepada Individu yang baru memulakan perniagaan atau yang telah menjalankan perniagaan.
- 2.2 Pastikan dokumen yang diperlukan semasa permohonan masih aktif dan sah seperti berikut :
 - 2.2.1. Salinan kad pengenalan (depan dan belakang dalam satu muka surat).
 - 2.2.2. Salinan pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia SSM yang masih aktif (Merangkumi Maklumat Pemilik Perniagaan dan Maklumat Perniagaan) – *Jika ada*
 - 2.2.3. Gambar premis perniagaan (luaran, dalaman dan ruang pemprosesan produk) – *Jika ada*
 - 2.2.4. Gambar produk yang dihasilkan atau perkhidmatan yang dijalankan – *Jika ada*
- 2.3. Pastikan maklumat usahawan di sistem Pusat Data Usahawan Johor (PADU) dilengkapkan dan diisi untuk memastikan permohonan diterima.

3. SKOP BANTUAN

- 3.1 Permohonan boleh dibuat bagi ketiga – ketiga skop bantuan yang dinyatakan atau membuat pilihan yang berkaitan sahaja.
- 3.2 Konsep penyaluran bantuan adalah *reimbursement concept* iaitu bayaran dibuat oleh PUJB setelah permohonan berjaya menerusi surat kelulusan yang dikeluarkan oleh PUJB dan pemohon telah membuat bayaran terlebih dahulu mengikut skop bantuan iaitu:-
 - 3.2.1 **Insentif Pendaftaran Syarikat**
 - Bayaran bagi setiap pendaftaran syarikat yang berjaya bernilai sehingga RM 100.00 melibatkan 1,000 usahawan yang akan menerima manfaat.

3.2.2 Insentif Pembukaan Akaun Syarikat

- Bayaran berjumlah RM 400.00 akan dikreditkan ke dalam akaun syarikat yang baharu SELEPAS deposit pembukaan akaun syarikat dibuat di institusi perbankan terpilih melibatkan 1,450 usahawan yang akan menerima manfaat.

3.2.3 Insentif Pendaftaran Status Pensijilan PMKS

- Merupakan satu sistem pendaftaran yang diguna bagi mengesahkan status PMKS untuk semua syarikat/perniagaan yang memenuhi definisi PMKS.
- Bayaran RM100.00 untuk tempoh sijil sah laku 2 tahun akan dikreditkan ke dalam akaun pemohon jika berjaya melibatkan 1,000 usahawan yang akan menerima manfaat.
- Rujuk pautan bagi maklumat lanjut : <https://www.smeCorp.gov.my/index.php/my/inisiatif/2020-05-07-03-13-40/registration>)

4. CARA PERMOHONAN

- 4.1 Borang permohonan boleh diisi secara dalam talian menerusi sistem Pusat Data Usahawan Johor (PADU) di <https://padu.pujb.my> yang berperanan sebagai pusat pengumpulan maklumat usahawan di Johor.
- 4.2 Hanya permohonan yang layak sahaja akan dihubungi melalui email oleh PUJB.
- 4.3 Bagi permohonan yang tidak menerima sebarang maklumbalas dalam tempoh tiga (03) bulan dari tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya dan tiada sebarang pemakluman bagi permohonan yang tidak diluluskan.
- 4.4 Pemohonan dibuka bermula 03 April 2023 (Isnin), jam 8.00 malam hingga 28 September 2023 (Khamis), jam 1.00 petang.
- 4.5 Satu permohonan hanya layak untuk satu syarikat/individu sahaja.
- 4.6 Sila pastikan setiap ejaan pada maklumat iaitu nombor telefon dan emel adalah tepat dan aktif bagi mengelakkan sebarang masalah komunikasi atau masalah tidak dapat dihubungi.
- 4.7 Pihak PUJB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan ejaan perkataan atau nombor telefon serta maklumat yang diberikan yang mengakibatkan permohonan tidak berjaya.
- 4.8 Segala keputusan adalah **MUKTAMAD** dan **TIADA RAYUAN DITERIMA**

5.0 MAKLUMAT UNTUK DIHUBUNGI

- 5.1 Jika terdapat sebarang permasalahan atau pertanyaan bagi permohonan menerusi Sistem PADU di laman web www.pujb.my boleh dibuat menerusi kaedah berikut :

5.1.1. Secara WhatsApp di talian 011-2075 5135

5.1.2. Secara emel di jabatanprogram.pujb@gmail.com

6.0 MAKLUMAT INI DIKELUARKAN OLEH

Perbadanan Usahawan Johor Sdn.Bhd. (PUJB)
No.24, Jalan Iskandar Puteri 1/3
Iskandar Puteri Commercial Centre
Taman Nusantara Prima
81550 Gelang Patah
Johor Darul Ta'zim.

Tel : 07-510 2542

Faks : 07-510 2471